

20/01/2003

Bolehkah kita catat sejarah di Athens 2004

Raja Ahmad Zainuddin

SELEPAS slogan 'Malaysia Boleh' berjaya menghangatkan saingan kita di Sukan Komanwel 1998 dan Sukan Sea Kuala Lumpur dua tahun lalu apabila mencatat sejarah muncul juara, kini terlintas pula di fikiran saya bilakah pula Negaraku akan berkumandang di Sukan Olimpik?

Bolehkah kita lakukan sejarah terulung di Athens tahun depan? Setidak-tidaknya satu pingat emas pun jadilah, kata hati kecil saya. Sebelum ini, kita memasang angan-angan seandainya sepak takraw disenaraikan, sudah tentu kilauan emas terpancar di depan mata kita.

Saya masih ingat, betapa Majlis Olimpik Malaysia (MOM) sewaktu dipimpin Tan Sri Hamzah Abu Samah bersungguh-sungguh mendapatkan sokongan untuk melihat sepak takraw diterima sebagai acara Olimpik.

Malah saya bertanyakan Timbalan Menteri Belia dan Sukan dalam satu sesi Parlimen mengenai usaha membawa sepak takraw ke Olimpik.

Tetapi, bila teringat prestasi skuad kita di Sukan Asia Busan tahun lalu dan selepas kita dimalukan Myanmar serta ditambah pula kes dadah oleh pemain kita, harapan yang kita letakkan selama ini rasanya hanya tinggal harapan saja.

Jika sebelum ini, cuma Thailand menjadi penghalang pasukan kita, tetapi kini negara lain juga mampu menggugat dan kita segera perlu membaiki keadaan ini.

Kita harap pimpinan baru Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) dalam pemilihan baru-baru ini, prestasi skuad negara akan segera dipulihkan. Jika tidak kita akan berputih mata sekali lagi. Sukan Sea pun hampir menjelang tiba.

Jika kita berpegang kepada slogan Malaysia Boleh seperti yang disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seperti juga yang telah berjaya kita lakukan di Sukan Komanwel Manchester dan di Sukan Asia, sudah tentu kita sekali lagi boleh melakukan kejutan di pentas antarabangsa.

Seperti kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein sudah menjadi impian kita untuk melihat adanya atlit negara berdiri megah diapit oleh pemenang perak dan gangsa serta lagu Negaraku berkumandang sebagai pemenang pingat emas di Sukan Olimpik suatu hari kelak, jika boleh di Sukan Olimpik Athens tahun depan.

Begitupun, ia bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan jika atlit kita tidak menggunakan kesempatan di pentas antarabangsa lebih-lebih lagi yang menjadi kelayakan Sukan Olimpik.

Sukan Sea Vietnam tahun ini adalah kejohanan yang cukup mencabar. Pertama kita beraksi selaku juara bertahan selepas kita mencatat sejarah di Kuala Lumpur 2001.

Kita keluar sebagai juara di gelanggang sendiri, tetapi kali ini kita akan bersaing di tempat orang. Thailand terutamanya tentu memasang impian menebus kehampaan mereka selepas diketepikan Malaysia dua tahun lalu.

Selain selaku raja bola sepak peringkat Asean, mereka juga pasti ingin membuktikan bahawa mereka juga raja sepak takraw dunia, terutama selepas peningkatan Myanmar. Bagi Vietnam pula, selaku tuan rumah mereka juga ingin membuktikan bahawa kemenangan di kejohanan silat sedunia di Pulau Pinang bulan lalu bukanlah nasib semata-mata.

Walaupun, Sukan Sea menjadi tumpuan utama, Hishammuddin tetap mensasarkan Sukan Asia, Komanwel dan Olimpik. Begitupun, kita faham, betapa untuk mempertahankan kejuaraan bukan semudah sewaktu memenangnya.

Walaupun begitu, tidaklah bermakna atlit kita akan mengambil mudah

hinggakan kegemilangan kita akan mudah diragut negara lain. Kita juga tidak mahu atlet kita dilabel cuma jaguh kampung. Oleh itu kita harap, janganlah ada lagi acara-acara yang selama ini menjadi warisan dan genggamannya kita juga turut terlepas.

Persatuan silat umpamanya perlulah melakukan sesuatu dan jadikanlah kejohanan silat sedunia di Pulau Pinang tempoh hari sebagai iktibar kerana jika di gelanggang sendiri, mahkota kita boleh dirampas, inikan pula di tempat orang.

Di sinilah selalunya kelemahan yang sering kali dihadapi oleh atlet kita. Kita mudah mencapai kemuncak dan juga mudah rebah di luar jangkaan.

Walaupun, KBS mempunyai program baru jangka panjang, sebarang pergeseran mana-mana persatuan sukan perlulah diselesaikan segera agar tidak bertukar menjadi barah yang sukar untuk dibendung.

Hishammuddin sendiri tidak menafikan betapa masalah dan kemelut persatuan sukan perlu ditangani jika mahu melihat pencapaian lebih gemilang dapat dihasilkan.

Beliau juga tidak menyembunyikan hakikat bahawa tidak ada satu pun persatuan sukan di negara ini yang sempurna. Masing-masing dengan masalah sendiri dan mengambil masa untuk mengatasinya sekalipun ke tahap sifar.

Begitupun, kita yakin beliau mempunyai pendekatan dan cara tersendiri untuk menangani masalah itu. Kita mengalu-alukan penstrukturan semula pejabat Pesuruhjaya Sukan dengan menambah bilangan pegawai dan membuka pejabat di negeri dan daerah bagi menyelesaikan masalah persatuan, di samping melicinkan kegiatan sukan.

Sehubungan itu juga dicadangkan mana-mana pegawai yang tidak berkemampuan menggalas tanggungjawab wajarlah ditukarkan. Mereka ini bukan saja membawa bebanan, bahkan boleh menggagalkan dasar kementerian serta visi menteri yang mahukan semua peringkat komited menjayakan program sukan keseluruhannya.

Pada masa yang sama kita juga berharap mana-mana atlet dan pemain yang mencetuskan kekecohan sekalipun bertaraf bintang perlulah diketepikan. Mereka ini ibarat anak, tetapi jika tindakan mereka melampaui batas dan sanggup menderhaka kepada bapa, mereka tidak perlu disimpan. Berilah peluang muka-muka baru mencuba nasib.

Kepada Datuk Hishammuddin kita harap beliau tidak berputus asa melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk mengangkat martabat sukan negara, walaupun ia bukanlah sesuatu yang mudah.